



**moa**  
INCORPORATED  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA



**PELAN STRATEGIK  
KEBAJIKAN HAIWAN  
KEBANGSAAN 2012-2020**





PELAN STRATEGIK  
**KEBAJIKAN HAIWAN  
KEBANGSAAN 2012-2020**

# **PELAN STRATEGIK KEBAJIKAN HAIWAN KEBANGSAAN | 2012 – 2020**

Jabatan Perkhidmatan  
Veterinar Malaysia

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6472  
Emel : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama 2012

Cetakan Kedua 2014

Penerbitan ©  
JABATAN PERKHIDMATAN  
VETERINAR MALAYSIA

ISBN : 978-967-0176-16-1


.....

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan  
mengeluarkan ulang mana-mana bahagian  
teks, ilustrasi dan isi kandungan buku  
ini dalam apa jua bentuk dan dengan  
apa jua cara, samada cara elektronik,  
fotokopi, mekanik, rakaman atau cara  
lain kecuali dengan keizinan bertulis  
daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar,  
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya, Malaysia

.....

**Konsep, rekabentuk dan percetakan oleh :**

JEMZ ADVERTIZING SDN. BHD.  
53-2 Jalan Dwitasik 1,  
Dataran Dwitasik,  
Bandar Sri Permaisuri,  
56000 Kuala Lumpur,  
Malaysia



# ISI KANDUNGAN



Kata Pengantar	i
Prakata	ii
Penghargaan	01
Akronim	01
Pengenalan	02
Visi	03
Misi	03
Kenyataan Dasar	03
Tujuan	03
Strategi	04
Pendekatan Strategi	05 - 09
Jadual Pelaksanaan	10 - 12
Implikasi Kewangan	13
Tugas dan Tanggungjawab	13
Pelaksanaan dan Penilaian	13
Lampiran : Jawatankuasa Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan	14 - 19

# Kata Pengantar



## Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Malaysia sedang menuju ke arah negara maju yang memiliki masyarakat yang penyayang. Bagi tujuan tersebut, usaha untuk menerapkan nilai kebajikan haiwan, perlulah dilaksanakan. Malaysia beriltizam untuk mengangkat piawaian kebajikan haiwan yang diterajui nilai insani sejagat ke tahap yang lebih tinggi.

Maka wawasan dan objektif kebajikan haiwan yang menyeluruh dan terangkum akan digerakkan. Tumpuannya bukan sahaja melibatkan haiwan kesayangan malahan merangkumi kesemua jenis haiwan termasuk ternakan untuk pengeluaran makanan dan juga haiwan yang diguna bagi tujuan penyelidikan serta pengajaran.

Untuk memandu kita dalam mencapai wawasan tersebut, maka diperkenalkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012–2020. Kejayaan kita mencapai cita-cita luhur ini terletak atas dokongan seluruh pihak berkepentingan. Harapan kita akhirnya, negara kita akan memiliki sebuah masyarakat yang maju dan mengamalkan kebajikan haiwan yang diterapi nilai insani.



**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

## Prakata



### Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012-2020 ini adalah suatu pelan yang di rangka secara tersusun untuk pembangunan kebijakan haiwan di negara ini. Perancangan yang tersusun dalam tiga fasa ini, iaitu fasa pembangunan, penyeragaman dan pemantapan diharapkan dapat membantu pihak kerajaan khususnya semua pihak yang berkenaan bagi memantapkan lagi pengurusan dalam menjaga hal-hal kebijikan haiwan dan memastikan kesejahteraan haiwan terpelihara.

Pembangunan pelan ini adalah hasil pandangan pelbagai pihak yang terdiri daripada agensi kerajaan, universiti, persatuan dan NGO bagi memastikan perancangan kebijikan haiwan yang komprehensif dan merangkumi semua aspek kebijikan haiwan dapat disediakan. Menerusi tiga pendekatan strategik yang menjadi asas kepada pelan ini, iaitu memperkuuhkan tadbir urus kebijikan haiwan, memperkasa dan mengembeling penglibatan pihak yang berkepentingan dan menerjui konsep ihsan haiwan di persada antarabangsa, negara dilihat mampu untuk menangani isu-isu kebijikan haiwan dengan lebih berkesan. Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012-2020 ini diyakini dapat meningkatkan penerapan nilai kebijikan haiwan di Malaysia secara berterusan, diperkasakan dengan penglibatan semua pihak berkepentingan, disokong dengan perundangan yang menyeluruh dan dibudayakan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Saya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Pelan Strategik Haiwan Kebangsaan yang terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perikanan, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Ekuin Malaysia, Persekutuan Persatuan -Persatuan Penternak Malaysia, Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA) dan Society for Prevention of Cruelty to Animal (SPCA) dan juga kepada semua individu yang terlibat dalam merangka Pelan Strategik ini.

  
**DATO' DR. MOHAMAD AZMIE BIN ZAKARIA**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

## i. Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan (NAWSP) ini, khususnya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV), Pengarah Bahagian Penyelidikan Dan Inovasi, Ahli Jawatankuasa NAWSP yang terdiri dari Agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Pakar mengikut sektor yang telah memainkan peranan penting dalam penyampaian idea-idea berasas sehingga dapat menghasilkan NAWSP 2012-2020.

## ii. Akronim

DVS      Jabatan Perkhidmatan Veterinar

KAKH      Kod Amalan Kebajikan Haiwan

OIC      Organization of Islam Cooperation  
(Pertubuhan Kerjasama Islam)

OIE      World Organization For Animal Health  
(Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia)

PKKH      Pusat Kecemerlangan Kebajikan  
Haiwan

# Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan

## 1 Pengenalan

Kebajikan haiwan semakin mendapat perhatian masyarakat Malaysia dan dunia. Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) menerima pakai 11 standard kebajikan haiwan, 8 standard dalam Kod Kesihatan Haiwan Daratan (*Terrestrial Code*) dan 3 dalam Kod Kesihatan Haiwan Akuatik (*Aquatic Code*) sebagai standard untuk dilaksanakan oleh keseluruhan negara anggota OIE.

Kebajikan haiwan meliputi skop yang luas dalam aspek pemeliharaan, pengangkutan, penyembelihan, pembiakan dan pemusnahan haiwan. Ianya juga merangkumi kesemua jenis haiwan untuk pelbagai kegunaan seperti ternakan, haiwan kesayangan, haiwan rekreasi, haiwan akuatik, hidupan liar dan juga haiwan yang diguna untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran.

Di Malaysia, isu kebajikan haiwan terutama kekejaman haiwan seringkali mendapat perhatian dan paparan media. Pengurusan aktiviti kebajikan haiwan melibatkan pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan, Kerajaan Tempatan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi. Ketika ini isu kebajikan haiwan ditangani secara *ad hoc* dan pentadbiran manakala yang berkaitan kezaliman dan penganiayaan haiwan melalui Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647] dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

Malaysia juga perlu menerapkan budaya penyayang dan prihatin terhadap kebajikan haiwan, sama seperti negara maju lain menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, perlu ada pendekatan yang jelas diperingkat negara bagi memastikan kebajikan haiwan dapat dipelihara dengan berkesan.

Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan ini disediakan bagi meletakkan negara pada landasan yang kukuh menuju negara maju. Dokumen ini mengandungi perancangan komprehensif dan menyeluruh dalam kebajikan haiwan demi memenuhi keperluan negara sehingga tahun 2020.

## 2 Visi

Malaysia sebagai negara maju mempunyai masyarakat penyayang yang prihatin terhadap kebajikan haiwan.

## 3 Misi

Berlitzam melaksanakan piaawaian kebajikan haiwan antarabangsa, diperkasa dengan nilai insani sejagat.

## 4 Kenyataan Dasar

Penerapan nilai kebajikan haiwan di Malaysia ditingkatkan secara berterusan, diperkasa dengan penglibatan semua pihak berkepentingan, disokong dengan perundangan, dan dibudayakan dalam masyarakat.

## 5 Tujuan

Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan bertujuan untuk :

5.1 Mewujudkan kerangka kebajikan haiwan kebangsaan bagi setiap peringkat; haiwan, rakyat, negara dan hubungan antarabangsa

5.2 Menentukan pendekatan yang komprehensif dan lestari terhadap pelbagai aspek kebajikan haiwan dilaksanakan secara bersepada

5.3 Menentukan keperluan kebajikan haiwan dipenuhi oleh mereka yang bertanggungjawab ke atasnya berasaskan sains, nilai sosial dan budaya masyarakat serta tuntutan agama

5.4 Memastikan maklumat kebajikan haiwan yang telus, seimbang, mudah dicapai dan memadai untuk membuat keputusan dalam sesuatu isu

5.5 Memastikan tadbir urus kebajikan haiwan kebangsaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan



## 6 Strategi

### 6.1 Strategi 1

Memperkuatkan tadbir urus kebajikan haiwan.

### 6.2 Strategi 2

Memperkasa dan mengembangkan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam kebajikan dan kesejahteraan haiwan.

### 6.3 Strategi 3

Menerajui konsep ihsan haiwan di persada antarabangsa melalui Pusat Kecemerlangan Kebajikan Haiwan (PKKH).



## 7 Pendekatan Strategi

### STRATEGI 1

Memperkuuhkan tadbir urus kebajikan haiwan

#### Objektif 1

Untuk mengurus haiwan dengan amalan baik berlandaskan undang-undang, peraturan, dan kod amalan

No.	Output	Aktiviti
1.	Akta Kebajikan Haiwan dilulus dan diwartakan.	1.1 Menyediakan draf Akta. 1.2 Menjalankan konsultasi awam. 1.3 Mendapatkan kelulusan Kabinet. 1.4 Membentangkan dan mendapatkan kelulusan Parlimen. 1.5 Mewarta Akta.
2.	Lembaga Kebajikan Haiwan (LKH) ditubuhkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan.	2.1 Melantik Ahli Lembaga. 2.2 Mengadakan Mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
3.	Undang-undang, peraturan dan kod amalan dikuatkuasa.	3.1 Menyediakan draf peraturan dan kod amalan. 3.2 Mendapatkan kelulusan LKH dan YB Menteri. 3.3 Mewarta peraturan. 3.4 Mengadakan sesi hebahan dan penerangan awam. 3.5 Menjalankan penguatkuasaan dan tindakan terhadap pelanggaran undang-undang serta peraturan-peraturan di bawahnya.

## **Objektif 2**

Untuk mentadbir urus kebajikan haiwan kebangsaan dengan cekap

No.	Output	Aktiviti
1.	Struktur organisasi jabatan dan agensi kerajaan kemas dan beroperasi.	<ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Mewujudkan Seksyen Kebajikan Haiwan DVS dengan jawatan-jawatan baru.</li><li>1.2 Mencadangkan seksyen / unit Veterinar dengan jawatan-jawatan baru di semua PBT, agensi dan jabatan yang mengendalikan haiwan.</li><li>1.3 Mengadakan program latihan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan KH di semua jabatan dan agensi berkaitan.</li></ul>
2.	Mewujudkan sistem pengurusan kebajikan haiwan dan sistem dayajejak.	<ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Menyediakan perkakasan dan perisian untuk mewujudkan pangkalan data.</li><li>2.2 Membangunkan sistem pelaporan dan pengurusan maklumat.</li></ul>



## STRATEGI 2

Memperkasa dan mengembelng penglibatan semua pihak berkepentingan dalam kebajikan dan kesejahteraan haiwan.

### Objektif 1

Untuk menerapkan budaya pemilikan haiwan bertanggungjawab dalam masyarakat.

No.	Output	Aktiviti
1.	Pendidikan kebajikan haiwan secara formal dan tidak formal yang mantap.	<ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Menyediakan garis panduan /modul diperingkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan.</li><li>1.2 Menyediakan program kesedaran kebajikan haiwan di semua peringkat pendidikan.</li></ul>
2.	Program latihan pemilikan haiwan bertanggungjawab dilaksanakan.	<ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Merancang dan melaksanakan program latihan kebajikan haiwan.</li></ul>

### Objektif 2

Untuk meningkatkan kompetensi pengendali haiwan dalam semua sektor yang berkaitan.

No.	Output	Aktiviti
1.	Program latihan untuk pengendali haiwan dalam semua sektor dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Menyediakan garis panduan untuk pengendalian haiwan yang baik.</li><li>1.2 Menyediakan program latihan.</li></ul>
2.	Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) pengendalian haiwan tersedia untuk rujukan.	<ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Memastikan semua KAKH dimuat naik dalam laman sesawang.</li><li>2.2 Mencetak KAKH untuk edaran.</li><li>2.3 Mengumum dan menghebahkan kod amalan.</li></ul>



### **Objektif 3**

Kesedaran dan keperihatinan masyarakat terhadap kebajikan haiwan meningkat

<b>No.</b>	<b>Output</b>	<b>Aktiviti</b>
1.	Pelan komunikasi tahunan disedia dan dilaksanakan.	1.1 Menyediakan pelan komunikasi tahunan serta jadual perlaksanaannya.
2.	Kempen kesedaran awam berterusan dijalankan.	2.1 Menjalankan kempen kesedaran awam secara berterusan. 2.2 Menganugerahkan Tokoh Kebajikan Haiwan. 2.3 Mengadakan Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Tahunan. 2.4 Menganjurkan dialog tahunan mengikut sektor sekali setahun.



## STRATEGI 3

Menerajui konsep ihsan haiwan di persada antarabangsa melalui Pusat Kecemerlangan Kebajikan Haiwan (PKKH)

### Objektif 1

Menerajui penyelidikan kebajikan haiwan dalam perspektif Islam

No.	Output	Aktiviti
1.	PKKH dibangunkan.	<ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Mendapatkan kelulusan Kabinet.</li><li>1.2 Menyediakan terma rujukan dan syarat untuk pengiktirafan fellow.</li><li>1.3 Menjalankan projek penyelidikan.</li></ul>
2.	Jaringan ilmuan dan saintis terbentuk dan mengendalikan program /projek penyelidikan bersama.	<ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Menganjurkan kolokium / persidangan tahunan.</li><li>2.2 Mengenalpasti bidang fokus dalam penyelidikan bersama.</li><li>2.3 Melantik fellow penyelidikan bersama.</li><li>2.4 Membuat syor dan cadangan hasil dari penemuan penyelidikan.</li></ul>
3.	Konsep ihsan haiwan diterimakai di peringkat negara-negara OIC.	<ul style="list-style-type: none"><li>3.1 Mengabungkan konsep ihsan dalam standard kebajikan haiwan.</li><li>3.2 Menyediakan bahan promosi dan pembentangan.</li></ul>

### Objektif 2

Mewujudkan kolaborasi dengan institusi penyelidikan dan organisasi pembangunan dalam dan luar negara


No.	Output	Aktiviti
1.	Dana penyelidikan diperolehi dari pelbagai sumber (dalam dan luar negara).	<ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Mengenalpasti program penyelidikan dan sumber pembiayaan.</li><li>1.2 Menyediakan projek-projek dan keperluan kewangan.</li><li>1.3 Membuat permohonan dana dari sumber berkaitan.</li></ul>
2.	Pertukaran pakar antara institusi (dalam dan luar negara).	<ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Mewujudkan Majlis Penasihat.</li><li>2.2 Mengadakan Memorandum Persefahaman dengan institusi penyelidikan luar dan dalam negara.</li><li>2.3 Memindah teknologi.</li></ul>

## 8 Jadual Perlaksanaan

8.1. Pelan Strategik dilaksanakan mengikut 3 fasa



Pembangunan (2012 - 2014)	Penyeragaman (2015 - 2017)	Pemantapan (2018 - 2020)
<ul style="list-style-type: none"><li>■ Akta Kebajikan Haiwan dilulus dan diwartakan</li><li>■ Lembaga Kebajikan Haiwan (LKH) ditubuhkan</li><li>■ Peraturan dan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) digubal;<ul style="list-style-type: none"><li>• KAKH (Pemeliharaan &amp; Pengurusan Ternakan)</li><li>• KAKH (Pengangkutan Ternakan-darat, air dan udara)</li><li>• KAKH (Penyembelihan Ternakan)</li><li>• KAKH (Pemusnahan Haiwan)</li></ul></li><li>■ Sistem akreditasi kebajikan haiwan di premis rumah sembelih disediakan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>■ Hebah dan penerangan kepada stakeholders berkaitan KAKH</li><li>■ Menjalankan penguatkuasaan dan mengambil tindakan keatas pelanggaran undang-undang, peraturan dan KAKH</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>■ Menyemak, memperkemas dan menambahbaik Peraturan dan KAKH</li></ul>



<b>Pembangunan (2012 - 2014)</b>	<b>Penyeragaman (2015 - 2017)</b>	<b>Pemantapan (2018 - 2020)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pengukuhan struktur organisasi dan fungsi jabatan &amp; agensi           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan Seksyen Kebajikan Haiwan, DVS</li> <li>• Mencadangkan penubuhan seksyen /unit veterinar di semua PBT, agensi dan jabatan yang mengendali haiwan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pengukuhan organisasi           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian jawatan kosong</li> <li>• Latihan staf</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pengukuhan organisasi           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian jawatan kosong</li> <li>• Latihan staf</li> <li>• Kajian semula dan penambahbaikan</li> </ul> </li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Mewujudkan sistem &amp; pengkalan data merangkumi perkakasan, perisian dan sistem dayajejak haiwan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Melaksanakan sistem pelaporan kebijakan haiwan berpusat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Melaksanakan sistem pelaporan kebijakan haiwan berpusat</li> <li>■ Kajian semula dan penambahbaikan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meningkatkan kesedaran terhadap kebijakan haiwan melalui latihan;           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyerapkan modul latihan dalam National Occupational Skills Standard (NOSS)</li> <li>• Melatih tenaga pengajar (<i>training of trainers</i>)</li> <li>• Menyediakan program latihan untuk pengendalian haiwan dalam semua sektor</li> <li>• Merancang dan menjalankan program latihan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meneruskan program latihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meneruskan program latihan</li> <li>■ Kajian semula dan penambahbaikan program latihan</li> </ul>

<b>Pembangunan (2012 - 2014)</b>	<b>Penyeragaman (2015 - 2017)</b>	<b>Pemantapan (2018 - 2020)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meningkatkan kesedaran terhadap kebajikan haiwan melalui program komunikasi awam           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan sambutan tahunan Hari Kebajikan Haiwan</li> <li>• Seminar dan pameran</li> <li>• Khidmat nasihat dan rundingan</li> <li>• Hebah dan berita melalui media massa</li> <li>• Khutbah Jumaat</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meneruskan program komunikasi awam           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan sambutan tahunan Hari Kebajikan Haiwan</li> <li>• Khidmat nasihat dan rundingan</li> <li>• Hebah dan berita melalui media massa</li> <li>• Khutbah Jumaat</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meneruskan program komunikasi awam</li> <li>■ Kajian semula dan penambahbaikan program komunikasi awam</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ KAKH tersedia untuk rujukan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ KAKH dimuat naik dalam laman sesawang</li> <li>■ Mencetak KAKH untuk edaran</li> <li>■ Mengumum dan mengedarkan KAKH</li> <li>■ Menambahbaik KAKH</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menyemak dan menambahbaik KAKH</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Membangunkan PKKH di UPM           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan prasarana dan organisasi</li> <li>• Mewujudkan Majlis Penasihat</li> <li>• Menyediakan keperluan dana</li> <li>• Jaringan dan pertukaran ilmuan dan saintis dalam dan luar negara</li> <li>• Mengendalikan program /projek penyelidikan bersama</li> <li>• Menyediakan modul latihan kepakaran</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meningkatkan dana penyelidikan dari pelbagai sumber (dalam dan luar negara)</li> <li>■ Mempromosikan hasil penyelidikan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa</li> <li>■ Menjalankan latihan untuk peserta dalam dan luar negara</li> <li>■ Membangunkan standard kebajikan haiwan berlandaskan perspektif islam</li> <li>■ Mempromosi konsep ihsan haiwan kepada negara-negara OIC</li> <li>■ Kolaborasi dengan OIE</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pertukaran pakar antara institusi (dalam dan luar negara)</li> <li>■ Mempromosikan hasil penyelidikan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa</li> <li>■ Menjalankan latihan untuk peserta dalam dan luar negara</li> <li>■ Mempromosi konsep ihsan haiwan kepada negara-negara OIC</li> <li>■ Membangunkan standard kebajikan haiwan berlandaskan perspektif islam</li> <li>■ Kolaborasi dengan OIE</li> </ul>

## 9 Implikasi Kewangan

Bajet keseluruhan untuk pelaksanaan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan untuk tempoh lapan tahun (2012 - 2020) ialah dianggarkan sejumlah RM80 juta.

- (i) Anggaran bajet ini termasuk Penubuhan PKKH sebanyak RM35 juta.
- (ii) Anggaran bajet untuk memperkuuhkan tadbirurus dengan mewujudkan Seksyen / Unit Kebajikan Haiwan sebanyak RM5 juta.
- (iii) Anggaran bajet sebanyak RM40 juta untuk melaksanakan lain-lain aktiviti Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan.

## 10 Tugas dan Tanggungjawab

Setiap individu, kumpulan, pertubuhan, jabatan dan agensi yang mempunyai dan mengendalikan haiwan bertanggungjawab memastikan kebijakan haiwan sentiasa terpelihara dan menepati piawaian yang digunakan diperingkat global. Konsep ihsan haiwan perlu diterapkan oleh mereka sebagai khalifah yang bertanggungjawab terhadap haiwan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai agensi peneraju yang dipertanggungjawabkan mentadbir urus hal ehwal kebijakan haiwan kebangsaan secara keseluruhannya. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta Kebajikan Haiwan.

Pusat Kecemerlangan Kebajikan Haiwan bertanggungjawab membangunkan piawaian kebijakan haiwan dan menerajui konsep ihsan haiwan mengikut perspektif islam. Dalam jangka masa panjang piawaian yang dibangunkan menjadi rujukan dan digunakan diperingkat antarabangsa khususnya oleh negara-negara OIC.

## 11 Pelaksanaan dan Penilaian

Pelaksanaan dasar dan strategi ini merupakan rangka kerja bagi menghasilkan masyarakat yang membudayakan kebijakan haiwan. Ianya akan dilaksanakan oleh semua pihak yang berkepentingan dan memerlukan hubungan kerja yang membina dan berterusan.

Lembaga Kebajikan Haiwan yang ditubuhkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan akan memantau dan menilai keberkesanannya dan melaporkan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia dan seterusnya kepada Jemaah Menteri dari masa ke masa.

# JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK KEBAJIKAN HAIWAN KEBANGSAAN

## TERMA RUJUKAN

### Pengenalan

Kerajaan Malaysia mengiktiraf kepentingan kebajikan haiwan dan telah komited untuk melaksanakan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan. Jawatankuasa Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan pengawasan bagi strategi serta pelaksanaan, hala tuju, membuat cadangan mengenai isu semasa dan baru berkaitan kebajikan haiwan untuk kepentingan negara. Keahlian Jawatankuasa Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan adalah berdasarkan kemahiran dan pengetahuan, bukannya perwakilan organisasi sektor tertentu, atau industri.

### Terma Rujukan

1. Menjadi penyokong dan pemandu pelaksanaan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan.
2. Memupuk penglibatan penuh dalam pembangunan dan pelaksanaan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan untuk sektor yang berkaitan.
3. Memberi nasihat dan cadangan untuk Ahli Jawatankuasa Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan berkaitan isu penting kebajikan haiwan.
4. Memantau, mengkaji semula dan laporan kemajuan terhadap pelan tindakan sektor dan hasil dalam kebajikan haiwan.

### Pelantikan Ahli

1. Ahli kumpulan kerja dipelawa untuk menyertai jawatankuasa kerja berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman.
2. Pelantikan ahli akan dipertimbangkan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setiap sektor mendapat perhatian.

# AHLI JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK KEBAJIKAN HAIWAN KEBANGSAAN

**Penasihat** : **Datuk Dr. Abdul Aziz Jamaluddin**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Malaysia

**Pengerusi** : **Dato' Dr. Mohamad Azmie Zakaria**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV), DVS

**Timbalan Pengerusi** : **Dr. Abu Hassan bin Muhamad Ali**  
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, DVS

## AHLI DARI AGENSI KERAJAAN

**Ahli** : **Dato' Hj. Mohamed Radzuan bin Malek**  
Pengarah Bahagian Penguatkuasa, DVS

**Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam**  
Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, DVS

**Dr. Sulaiman bin A. Kadir**  
Pengarah Bahagian Perancangan, DVS

**Dr. Ahmad bin Salleh**  
Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Hiliran, DVS

**Dr. Abdul Latif bin Borhan**  
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, DVS

**Dr. Rahmat SM Sheriff**  
Ketua Seksyen Pemeriksaan Veterinar, DVS

**Dr. Asiah Naina Mohd Alim**  
Ketua Seksyen Zoonotik dan Kesihatan Awam, DVS

**En. Hasdi bin Hassan**  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)

**Pn. Yeo Moi Lim**  
Jabatan Perikanan (DoF)

**En. Woo Lee Tay**  
Majlis Perbandaran Klang, Selangor

## AHLI DARI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

**Ahli :** **Prof. Madya Dr. Abd Rahim Mutalib**  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Prof. Dr. Zulkifli Idrus**  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Prof. Datin Dr. Kalthum bt Hashim**  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Dr. Sumita Sugnaseelan**  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Dato' Malek Jeremiah**  
Majlis Ekuin Malaysia (MEM)

**Dr. Hj Muhammad Kamarulzaman bin M Sharif**  
Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM)

**Dr. G. Gopinathan**  
Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA)

**Dr. Clement Anthony**  
Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA)

**Pn. Lim Suit Fun**  
Society for the Prevention of Cruelty to Animals, Selangor (SPCA)



# AHLI KUMPULAN PAKAR MENGIKUT SEKTOR

## Sektor Ternakan



- |  |  |
|--|--|
| Dr. Ahmad bin Salleh                     | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)                       |
| Prof. Dr. Zulkifli Idrus                 | ► Universiti Putra Malaysia (UPM)                            |
| Dr. Roslaini bt Hj Rusli                 | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)                       |
| Dr. Mazlan bin Mohd Salleh               | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)                       |
| Dr. Hj Muhamad Kamarulzaman bin M Sharif | ► Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) |

## Sektor Haiwan Kesayangan



- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| Dr. Abdul Latif bin Borhan        | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)                              |
| Prof. Madya Dr. Abd Rahim Mutalib | ► Universiti Putra Malaysia (UPM)                                   |
| Dr. Johari bin A. Bakar           | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)                              |
| Dr. G. Gopinathan                 | ► Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA)             |
| Dr. Clement Anthony               | ► Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA)             |
| Pn. Lim Suit Fun                  | ► Society for the Prevention of Cruelty to Animals, Selangor (SPCA) |
| En. Kelvin Cheah                  | ► Society for the Prevention of Cruelty to Animals, Selangor (SPCA) |
| En. Woo Lee Tay                   | ► Majlis Perbandaran Klang  |

## Sektor Ekuin



- |   |  |
|---|--|
| Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Mokhtir Singh a/l Gardir Singh          | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dato' Malek Jeremiah                        | ► Majlis Ekuin Malaysia (MEM)          |
| Dr. J. Thamotharan S. Jeyaraman             | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Saravanan Kumar                         | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |

## Sektor Haiwan Akuatik



- |                                |  |
|--------------------------------|--|
| Dr. Rahmat SM Shariff          | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Pn. Yeo Moi Lim                | ► Jabatan Perikanan                    |
| Cik Uraini bt. Ujang           | ► Jabatan Perikanan                    |
| Dr. Maria bt. Jamli            | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Che Zalina binti Mohd Zaid | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |

## Sektor Penggunaan Haiwan Untuk Tujuan Kajian dan Pendidikan



- |                                   |  |
|-----------------------------------|--|
| Prof. Datin Dr. Kalthum bt Hashim | ► Universiti Malaysia Kelantan (UMK)   |
| Dr Kamaliah bt Ghazali            | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Helen Mitin                   | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Nazahiyah Sulaiman            | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |
| Dr. Khairina Akmar Khalid         | ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) |

## Sektor Hidupan Liar



Dr. Sulaiman bin A. Kadir ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

Dr. Nur Hardy bin Abu Daud ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

Dr. Mohamad Razli Abd Razak ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

En. Hasdi bin Hassan ► Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)

Dr. Sumita Sugnaseelan ► Universiti Putra Malaysia (UPM)

En. Soh Tian Siong ► Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)





---

www.dvs.gov.my

---

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

ISBN 978-967-0176-16-1

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-0176-16-1.

9 789670176161